

05 OCT 2003

DR MAHATHIR LANCAR KEJOHANAN BOTLAJU DUNIA F1

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Grand Prix Kejohanan Botlaju Dunia Formula 1 (F1) yang disiarkan secara langsung ke 60 negara untuk lebih 750 juta penonton.

Grand prix itu yang dianjurkan oleh Malaysia bagi tahun ketiga akan menyaksikan persaingan sengit di kalangan 24 pelumba antarabangsa untuk menamatkan jarak 1,955 km dalam 45 minit.

Sebelum perlumbaan itu bermula, 13 peluncur air profesional dari Cyprus Garden dan Sea World mempersembahkan pertunjukan selama 15 minit diikuti perbarisan oleh pemandu dingi F1.

Dr Mahathir kemudian dibawa menaiki bot mengelilingi tasik Sri Kembangan Mines Resort City -- venue kejohanan itu. Beliau diiringi Menteri Belia dan Sukan Datuk Hisammuddin Tun Hussien dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Selepas itu, Dr Mahathir menerima Jalur Gemilang daripada perenang maraton Datuk Malek Maidin, yang baru-baru ini menawan Selat Inggeris, sebelum bendera itu dinaikkan untuk dikibarkan pada tiang oleh wakil polis. Ini diikuti dengan nyanyian lagu NegaraKu

Dr Mahathir kemudian menekan butang siren untuk menandakan pelancaran kejohanan itu.

-- BERNAMA

HK AY RHM